

THE USE OF MULTILITERACIES IN LEARNING SESSION BASED ON THE INTEGRATION OF NAQLI AND AQLI KNOWLEDGE AMONGST TAMHIDI STUDENTS

PENGGUNAAN BAHAN MULTILITERASI SEMASA SESI PEMBELAJARAN YANG BERINTEGRASIKAN ILMU NAQLI DAN AQLI DI KALANGAN PELAJAR TAMHIDI, USIM

Shahirah Sulaimanⁱ, Nurul Khadijah Mohamadⁱⁱ, Nur Safura Ab Ghaffarⁱⁱⁱ & Mohamed Akhiruddin Ibrahim^{iv}

ⁱ (Corresponding Author). Guru Bahasa, Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia. shahirah@usim.edu.my

ⁱⁱ Guru Bahasa, Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia. nurulkhadijah89@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Guru Bahasa, Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia. safuraghaffar@usim.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. akhiruddin@usim.edu.my

Abstract	<p><i>Multiliteracies concept in education used a variety of mediums; especially the use of printed materials, audio, visual, internet, mobile applications, all of which are compatible with the concept of learning in accordance with the current technology approaches. The features and benefits of the use of these multiliteracies are easily accessible, time-saving and interactive. Therefore, the use of multiliteracies is suitable to be adapted in the learning sessions amongst students. This study was undertaken to identify the advantages and challenges of students in the use and application of multiliteracies in terms of Naqli and Aqli scope in their learning sessions. A total of seven Tamhidi students (Foundation students of Islamic Science University of Malaysia) have been selected for this study. Data were collected through interviews and then analyzed by the method of 'Thematic Analysis'. In summary, this study found the use of multiliteracy can help generate ideas and interests amongst the students. However, the study also discovered that the use of multiliteracy materials are prone towards the exposure of 'Aqli rather than Naqli. This study suggested that there is a need to provide technology that is not only based on Aqli knowledge but also on the emphasis of Naqli towards establishing a holistic generation amongst the students.</i></p> <p><i>Keywords: Challenge, multiliteracies, naqli, aqli, learning.</i></p>
Abstrak	<p><i>Konsep multiliterasi dalam pendidikan menggunakan pelbagai jenis bahan; terutamanya seperti penggunaan bahan-bahan rujukan bercetak, audio, visual, internet, aplikasi telefon bimbit, bersesuaian dengan konsep pembelajaran yang mengikuti arus teknologi semasa. Ciri-ciri dan keistimewaan penggunaan bahan multiliterasi ini termasuklah mudah diakses, menjimatkan masa dan interaktif. Oleh yang demikian, penggunaan bahan multiliterasi yang menarik dan praktikal ini sesuai untuk diadaptasikan ke dalam sesi pembelajaran di kalangan pelajar. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti kelebihan dan cabaran pelajar dalam menggunakan bahan multiliterasi serta penerapan ilmu Naqli dan Aqli di kalangan pelajar semasa sesi pembelajaran yang menggunakan bahan multiliterasi. Seramai tujuh orang pelajar Tamhidi (pelajar Asasi Universiti Sains Islam Malaysia) telah dipilih bagi kajian ini. Data diperolehi</i></p>

	<p><i>melalui sesi temuramah dan kemudiannya dianalisa dengan kaedah 'Thematic Analysis'. Secara keseluruhannya, didapati penggunaan bahan multiliterasi dapat membantu untuk menjana idea dan minat pelajar. Walaubagaimanapun, bahan multiliterasi lebih cenderung kepada penerapan ilmu Aqli berbanding ilmu Naqli. Secara tidak langsung, kajian ini mendapati bahawa wujudnya keperluan untuk menyediakan kemudahan teknologi yang tidak hanya berteraskan ilmu Aqli sahaja tetapi juga ilmu Naqli ke arah membentuk generasi ilmuan yang holistik.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Cabaran, multiliterasi, naqli, aqli, Pembelajaran.</i></p>
--	---


PENDAHULUAN

Bahan multiliterasi dapat membantu dan memudahkan seseorang itu untuk menjalankan tugas khususnya dalam bidang akademik. Pengaplikasian bahan multiliterasi di kalangan tenaga akademik adalah bertujuan untuk mencari sumber kajian baru, memperbaharui bahan pengajaran serta memperbanyakkan maklumat dalam sesi pembelajaran dan pengajaran. Penggunaan bahan multiliterasi di kalangan pelajar pula adalah bertujuan sebagai sumber dan nilai tambah dalam penulisan ilmiah, tugas berkumpulan, pembentangan dan sebagainya.

Malahan, penggunaan bahan multiliterasi juga semakin meluas dalam kalangan para pelajar sekolah, lebih-lebih lagi bagi para pelajar yang bakal menduduki Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Ini kerana mereka perlu menyiapkan kerja-kerja kursus yang diberikan oleh guru yang mana memerlukan sumber maklumat yang konkrit dalam menghasilkan kerja kursus yang berkualiti. Fenomena ini menggambarkan kepentingan bahan multiliterasi dalam dunia akademik masa sekarang.

Bahan-bahan multiliterasi boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu bahan multiliterasi bercetak dan bahan multiliterasi digital. Kedua-dua jenis bahan multiliterasi ini menjadi medium utama dalam arus akademik. Antara contoh bahan multiliterasi bercetak adalah seperti buku teks, majalah, surat khabar, artikel, jurnal, tesis kajian, nota pensyarah, ensiklopedia. Bahan multiliterasi bercetak ini mudah didapati di perpustakaan, ruangan bacaan, kedai buku, institusi-institusi ilmiah dan sebagainya. Manakala contoh bagi bahan multiliterasi digital pula adalah seperti pencarian maklumat melalui laman sesawang internet, radio, rancangan ilmiah di televisyen, kamus elektronik, cakera padat, pita audio dan video (Cope & Kalantzis, 2009).

Kewujudan aplikasi talian telefon bimbit di arus mutakhir kini juga memudahkan lagi pencarian maklumat bagi tujuan pembelajaran. Situasi ini menggambarkan pengadaptasian arus teknologi kini seiring dengan penggunaan bahan multiliterasi dalam arus akademik. Ini kerana terdapat pelbagai faedah dan kebaikan dalam penggunaan bahan multiliterasi dalam akademik seperti di Rajah 1.



Rajah 1. Contoh bahan-bahan multiliterasi dalam akademik (Cope & Kalantzis, 2009)

BAHAN MULTILITERASI

Menurut Cope dan Kalantzis (2009), bahan multiliterasi diterjemahkan sebagai bahan bantuan mengajar pelbagai bentuk iaitu visual, spatial, linguistic, gestural, audio dan multimodal. Bahan-bahan ini digunakan untuk menyampaikan informasi kepada pelajar yang dikemaskini dalam bentuk dokumentasi, komputerisasi atau atas talian iaitu internet.

Visual

Bahan visual menyediakan kaedah penyaluran informasi yang menarik dan nampak hidup. Ia merupakan sumber atau media yang paling dinamik dan efektif dalam menyampaikan sesuatu informasi. Kesannya, bahan visual dapat meningkatkan pemahaman pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Unsur visual sebagai bahan literasi membawa satu perubahan yang besar dalam kaedah penyaluran maklumat kepada pelajar. Melalui penggunaan video digital pula, pelajar lebih mudah mengubahsuai, memanipulasi dan menghubungkan ilmu yang diperolehi menjadi lebih dinamik, hidup dan menyeronokkan seperti di *YouTube* dan platform video akademik yang lain.

Spatial

Bahan spatial digunakan bagi memberi penekanan secara visual terhadap sesuatu persembahan informasi; seperti lukisan, foto atau carta amat membantu dalam menyampaikan sesuatu maklumat dengan lebih pantas dan efektif seperti pameran, iklan atau poster di dalam Infographic serta *OnlineChartTool.com*. Ia membantu dalam menerangkan sesuatu informasi secara lebih berkesan dengan penggunaan visual untuk menerangkan konsep yang tidak dapat atau sukar diterangkan dalam bentuk teks secara cepat, jelas, tepat dan konsisten terhadap pelajar.

Linguistik

Linguistik merupakan komponen asas dalam bahan multiliterasi. Ia mempunyai pelbagai jenis dan bentuk tulisan yang berupaya memberi daya tarikan dalam penyampaian sesuatu informasi. Linguistik juga boleh digunakan melalui teks untuk memberikan penekanan bagi sesuatu isi kandungan yang ingin disampaikan (Jamalludin & Zaidatun, 2000). Dalam konteks pendidikan, teks dalam bahan literasi digunakan sebagai asas penyaluran sesuatu maklumat untuk capaian pelajar melalui bantuan komputer. Penyaluran linguistik dalam bahan literasi dapat membantu proses

pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih sempurna. Ini membolehkan sesuatu maklumat atau informasi disampaikan dan disebar kepada pelajar dengan mudah dan berkesan.

Atas dasar tersebut, linguistik merupakan salah satu media utama yang diperlukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi tujuan penyampaian sesuatu isi kandungan mata pelajaran melalui bahan multiliterasi (Vivi Lach, 2006). Contohnya, buku, surat khabar, majalah dan blog. Dengan teknologi ini, linguistik melalui teks yang pelbagai bentuk, format dan susun atur boleh dipindahkan ke mana-mana sistem komputer bagi memudahkan pelajar memahami isi kandungan yang dicapai dari bahan atas talian iaitu internet.

Bahasa Isyarat atau Bahasa Tubuh

Bahasa isyarat atau bahasa tubuh juga boleh digunakan sebagai bahan literasi bagi sesi pembelajaran. Kebolehan pelajar secara gestural atau gaya berbahasa secara beretika untuk berinteraksi, merupakan kunci utama dalam proses pembelajaran. Seseorang pelajar itu dapat meneroka sesuatu maklumat dengan lebih efektif sekiranya mereka berupaya mengawal isi kandungan yang hendak dipersembahkan, bila ia dipersembahkan dan bagaimana ia dipersembahkan.

Audio

Audio digunakan untuk membantu penyampaian sesuatu maklumat dengan lebih berkesan, seperti penggunaan suara latar atau kesan audio istimewa (*special effect*). Di samping itu, ia membantu meningkatkan daya tarikan terhadap sesuatu persembahan dan daya tumpuan pelajar terhadap isi persembahan. Teknologi audio sebagai bahan literasi memberi kemudahan kepada pelajar untuk memperolehi maklumat yang berkualiti. Teknologi audio boleh menarik minat pelajar untuk memperolehi ilmu pengetahuan melalui persembahan audio.

Menerusi audio, terdapat beberapa faedah dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti menarik perhatian pelajar, mempengaruhi emosi dan pemikiran pelajar, mempertingkatkan kefahaman pelajar terhadap isi kandungan mata pelajaran, memudahkan proses penerangan mengenai sesuatu konsep yang sukar untuk diterangkan melalui teks atau grafik, menjadi panduan yang lebih efektif dalam meningkatkan pemahaman pelajar dan mengekalkan tumpuan pelajar dalam sesebuah mata pelajaran.

Multimodal

Multimodal berperanan bagi menceriaikan lagi persembahan sebuah informasi. Multimodal juga membantu dalam menerangkan sesuatu konsep yang kompleks dengan mudah serta mampu menarik perhatian pelajar. Multimodal berkomputer digunakan untuk menghasilkan satu keadaan yang merangsang dan menyeronokkan. Seseorang pelajar boleh menggunakan multimodal berkomputer untuk mendemonstrasikan bahan secara visual berdasarkan kehendak sendiri (Jamaluddin, 2005). Ini dapat mempercepatkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran disamping meningkatkan kreativiti dan produktiviti pelajar dalam subjek yang dipelajari.

Dengan menggabungkan elemen-elemen yang terdapat dalam bahan multiliterasi yang dinyatakan di atas melalui komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya, ini akan dapat meningkatkan pemahaman serta minat pelajar terhadap mata pelajaran yang dipelajari. Ini kerana penggunaan bahan multiliterasi dan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya, dapat menciptakan proses pembelajaran yang interaktif, iaitu adanya hubungan timbal balik antara guru dan pelajar dan juga antara sesama pelajar. Proses pembelajaran interaktif yang dijalankan hendaknya dapat mendorong semangat pelajar untuk belajar dan munculnya inspirasi pada pelajar untuk memunculkan idea baru, mengembangkan inisiatif dan kreativiti. Guru perlu berusaha menciptakan proses pembelajaran yang menyeronokkan dan mengekalkan fokus pelajar terhadap pelajarannya.

Namun pada asasnya, kemantapan dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan teknologi bergantung kepada keupayaan dan kebolehan guru untuk mengaplikasikannya sesuai dengan objektif pembelajaran. Justeru itu, bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan, guru-guru seharusnya memanfaatkan penggunaan alat teknologi seperti komputer bagi merangsang minda pelajar untuk belajar (Hasbullah & Yusni, 2003). Malah, ia sesuai dengan keperluan futuristik yang memerlukan penguasaan dalam teknologi maklumat (Mohd Jasmy & Mohd Yusro, 2003).

INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI SERTA ISLAMISASI ILMU


Aspek pembelajaran yang selari dengan tuntutan agama hendaklah diaplikasikan dalam penggunaan bahan multiliterasi dalam menimba ilmu, sekaligus dapat melahirkan barisan generasi ilmuwan yang berpengetahuan luas dan berkredibiliti. Hal ini seiring dengan visi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), iaitu mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli dalam melahirkan barisan generasi ilmuwan yang holistik. Ini kerana antara isu yang berlaku dalam kalangan umat Islam berhubung dengan isu pendidikan ialah dualisme dalam sistem pendidikan, iaitu terdapatnya pemisahan yang nyata antara ilmu mengurus diri dan ilmu mengurus sistem. Situasi sebegini tidak dapat membina tasawwur ilmu dan pendidikan yang sepadu. Persidangan Pendidikan Islam di Mekah pada 1977 yang dihadiri ramai ilmuwan dan tokoh pendidikan Islam dunia menyarankan supaya pendidikan Islam kembali kepada asas tauhid.

Dalam masa sama, pendekatan terhadap sains dan teknologi mestilah diolah dalam kerangka etika dan nilai Islami. Maksud lain ialah integrasi ilmu mengurus diri dan ilmu mengurus sistem. Dalam fahaman yang biasa diguna pakai ialah integrasi ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah atau ilmu Aqli dan ilmu Naqli (Sidek Baba, 2013). Idea integrasi antara ilmu Naqli dan Aqli atau sebahagian sarjana menamakan dengan Islamisasi ilmu, telah dibangkitkan oleh cendekiawan muslim pada zaman moden. Sungguhpun terdapat perbezaan antara dua istilah tersebut namun akibat daripada terdapat banyak kemajuan dalam ilmu sains dan teknologi, ia dibahaskan bagi membuktikan bahawa wahyu menjadi sumber bagi kemajuan umat dan juga bagi menjadikan ilmu yang kini maju di Negara Barat disesuaikan dengan kehendak wahyu itu sendiri (Muhammad Widus, 2014).

Ini memandangkan teknologi moden kini dilihat banyak memberi faedah yang besar terhadap kehidupan pada masa kini. Dengan erti kata lain, kemajuan teknologi kini menjadi satu alat bagi mencapai kemajuan dan kebaikan kepada seluruh dunia. Sekiranya ilmu teknologi dipinggirkan, ini bermakna umat Islam akan ketinggalan daripada arus pembangunan dan sekiranya ia diambil sepenuhnya berdasarkan acuan barat, maka ia akan melahirkan satu masyarakat yang hidup berorientasikan material semata-mata tanpa roh agama. Tidak dapat tidak, sama ada idea integrasi mahupun Islamisasi ini diperkasakan sehingga ia menjadi satu metode yang berkesan bagi pembangunan ummah mengikut neraca Islam sebenar.

Oleh itu, ilmu Aqli seharusnya tidak mempunyai pertembungan dengan Naqli (Shalash, 2014, h. 12). Namun hanya terdapat perbezaan dari kalangan umat Islam sama ada mendahului Aqli atau Naqli atau sebahagian yang lain cuba mewujudkan keserasian antara keduanya seperti di Rajah 2.

Integrasi merujuk kepada proses proses yang menggabungkan atau mengumpulkan hingga melahirkan sesuatu benda atau lebih. Secara umumnya, ia merupakan satu proses membawa bersama dengan tujuan untuk menyatakan sesuatu. Dalam konteks ilmu, integrasi membawa maksud dua disiplin ilmu untuk disatukan menjadi ilmu baru. Dalam skop USIM, integrasi yang dikehendaki ialah menggabungkan ilmu Naqli yang bersumberkan al-Quran dan Sunnah dengan ilmu Aqli yang bersumberkan rasional pemikiran manusia (Mohd Nasrin, 2014).



Rajah 2. Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli.

Antara istilah yang digunakan dalam konteks integrasi ilmu, walaupun tidak mempunyai makna yang sama dengannya ialah istilah Islamisasi yang berasal daripada bahasa inggeris "*Islamization*" yang bermaksud pengislaman (Abudin Nata, 2003). Seiring dengan maknanya, konsep integrasi adalah bertunjangkan konsep tauhid, iaitu apa jua ilmu yang dituntut hendaklah tidak menyalahi hukum serta prinsip yang digariskan oleh syariat Islam. Dengan erti kata lain, integrasi ilmu melalui proses Islamisasi menjadikan manusia semakin mendekati diri kepada Tuhan melalui pendekatan tauhid bahawa Dia adalah esa dan tiada sekutu bagi-Nya. (Mulyadi Kartanegara, 2005).

Menurut Faruqi, hubungan yang utuh adalah diperlukan antara realiti semasa dan ilmu bersumberkan wahyu Ilahi (Irwan, 2014). Maka, dengan adanya pendekatan yang berteraskan integrasi seperti ilmu Naqli dan Aqli ini, ilmu dapat dimanfaatkan bersama bagi membangunkan tamadun manusia (Azyumardi Azra, 2006).

Ini kerana pendekatan Islamisasi dapat dilihat lebih menjerus kepada epistemologi yang merujuk kepada perkembangan dan kemajuan pemikiran falsafah (Syed Muhammad Chaedar, 2014). Ilmu bukan hanya terhad kepada objek secara fizikal semata-mata, namun ia juga melibatkan alam ghaib meliputi malaikat dan jin. Selain daripada itu, pendekatan ini juga dilihat bersumberkan al-Quran sebagai sumber ilmu yang boleh dianalisis berdasarkan penemuan moden. Pendekatan integrasi, ia membawa erti menyatupadu, menggabung dan mempersatukan sesuatu melalui ketulusan hati dan kejujuran. Ia mengambil metode gabungan beberapa bahagian daripada sesuatu menjadi satu dalam bentuk saling melengkapi antara satu sama lain (Azyumardi Azra, 2006).

Naquib al-Attas melihat pendekatan integrasi mampu untuk melakukan transformasi ilmu dalam menyesuaikan dengan asas wahyu. Begitu juga Ismail Raji' al-Faruqi yang turut mendokong integrasi ilmu dalam suasana kemajuan sains moden, bagi membina tamadun umat.

Agama dan ilmu dari satu aspek, adalah diperlukan oleh manusia bagi memberi ketenangan dalam kehidupan (Amsal Bahtiar 2010, h. 230). Sungguhpun ia adalah dua elemen yang berbeza, namun dari sudut yang lain, ia mempunyai nilai persamaan antara satu sama lain. Ilmu mengurus diri melihat pentingnya ilmu al-Quran dan Sunnah menjadi pedoman pemikiran yang membentuk fikrah Qurani dan Islami, menyebabkan lahirnya tamadun. Ia tidak bermakna faktor akliah dan rasionaliti ditolak. Falsafah ilmu yang Qurani memberikan pedoman dan bimbingan supaya kajian mengenai rahmah dan nikmat Allah dalam bentuk khazanah ciptaanNya dilakukan dengan menghubungkan aspek nyata dengan tidak nyata supaya faktor fikir dan zikir serta, faktor Naqli dan Aqli teradun dengan baik. Ramai ilmuan silam yang terkenal dalam pelbagai disiplin ilmu Aqli seperti ilmu astronomi (Mesbahul Hoque, 2014, h. 1-2)

dan pada masa yang sama turut menguasai ilmu Aqli. Integrasi ini penting supaya perspektif ilmu dan pendidikan berdiri atas ilmu mengurus diri dan ilmu mengurus sistem.

REKABENTUK KAJIAN DAN INSTRUMENTASI

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif. Temuramah digunakan sebagai instrumen dalam penyelidikan ini. Seramai tujuh orang pelajar Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah ditemuramah untuk mengetahui apakah kelebihan dan cabaran mereka dalam menggunakan bahan multiliterasi berintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli.

Satu protokol temuramah yang diadaptasi daripada Asmussen dan Creswell (1995) telah digunakan bagi merekod segala data dan infomasi semasa temuramah dijalankan. Protokol tersebut merangkumi info-info penting dalam temuramah yang dijalankan seperti maklumat tentang tujuan penyelidikan dijalankan, dan tandatangan persetujuan pelajar untuk ditemuramah. Info-info lain juga termasuklah maklumat peribadi pelajar yang ditemuramah seperti latar belakang pendidikan mereka, masa, tarikh, dan tempat yang dipilih untuk ditemuramah.

Persampelan

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Seramai tujuh orang pelajar di Pusat Tamhidi, USIM yang berumur antara 18 ke 20 tahun telah dipilih untuk ditemuramah kerana kajian ini hanya memerlukan beberapa orang pelajar bagi mewakili populasi pelajar di Pusat Tamhidi untuk mendapatkan data yang diperlukan.

Pengumpulan Data

Penggunaan struktur '*One-to-One Interview*' (temuramah secara perseorangan) telah dipilih dalam penyelidikan ini bagi mengelakkan sampel dari berasa bimbang atau teragak-agak dalam memberi respon sekiranya dilakukan dalam bentuk temuramah secara kumpulan (Creswell, 2005). Pelajar-pelajar yang telah dipilih untuk ditemuramah akan dipanggil secara berseorangan berdasarkan pada kesesuaian masa, tempat dan hari masing-masing.

Analisis Data

Bagi menganalisis data, setiap sesi temuramah direkodkan menggunakan rakaman audio bagi memudahkan proses analisis data. Setelah selesai merekod kesemua data, penyelidik menganalisa semula kesemua transkrip menggunakan '*Thematic Analysis*' bagi mengenalpasti kod-kod atau respon yang sama diberi oleh pelajar-pelajar tersebut bagi memudahkan penstrukturan tema di bahagian penemuan.

HASIL DAPATAN

Kelebihan Penggunaan Bahan Multiliterasi

Antara kelebihan yang dikenalpasti adalah sebagai sumber maklumat, penambahan minat dan menimba ilmu baru.

Sumber Maklumat

Daripada temuramah yang dijalankan, berikut adalah kelebihan penggunaan bahan multiliterasi yang digunakan sebagai sumber maklumat di kalangan para pelajar. Berikut adalah jawapan yang berkaitan penggunaan bahan bacaan pelbagai sebagai sumber maklumat:

Pelajar 1:

Contohnya kalau nak buat assignment, memang guna bahan-bahan multiliterasi ni. Guna kt online. Ada yang rujuk buku kat library jugak atau buku teks. Senang nak cari bahan subjek tu. Saya pasti mendapat maklumat baru tentang topik yang hendak dibuat.

Pelajar 2: Kadang-kadang bila saya tengok some quotation daripada scholar kan yang very interesting kan. Errrr.. contoh saya buat satu kajian ni, penulis ni dia cerita pasal budaya kan. Saya search je dah jumpa. Hehehe. Bahan-bahan multiliterasi yang berdasarkan teknologi ni dapat membantu saya mendapatkan maklumat yang tidak terdapat dalam buku teks.

Pelajar 4: Maklumat senang je nak jumpa. Selalu sangat guna bahan-bahan multiliterasi ni. Boleh dikatakan setiap jam. Hahaha. Tapi mengenai reliable ke tak tu, tak pasti tahu ke tak sebab output nya dah memang ada disitu. Agak dipersoalkan jugak la.

Pelajar 6: Saya takut untuk menggunakan sumber subjek dari internet (bahan multiliterasi) kerana kadang-kadang maklumatnya tidak sama dengan buku teks. Tapi dari penggunaan bahan multiliterasi ni mudah la nak cari maklumat yang saya nak.

Pelajar 7: Setiap kali saya cari bahan subjek daripada salah satu bahan multiliterasi iaitu, contohnya dari internet. Sebab selalunya hanya dengar saja apa yang guru bercakap di depan kelas je la kan. Tetapi selepas mendapat peluang meneroka sumber subjek dari internet, boleh mula berdebat idea bersama guru dan rakan sekelas. Seronok!

Secara keseluruhannya, pelajar menerima baik penggunaan bahan multiliterasi sebagai sumber maklumat pembelajaran. Temuramah ini juga mendapati bahawa keberkesanan penggunaan bahan multiliterasi adalah bergantung kepada pelajar untuk mengkaji sendiri rujukan yang diperolehi daripada bahan multiliterasi. Penggunaan bahan multiliterasi secara amnya adalah bahan ilustrasi sebagai sumber pembelajaran serta pengajaran di dalam kelas. Namun, kesahihan sumber bagi bahan multiliterasi untuk perihal akademik perlu dikenalpasti dengan lebih berhati-hati.

Pertambahan Minat

Hasil temuramah juga mendapati bahawa kepelbagaian bahan multiliterasi membuatkan pelajar bertambah minat untuk mempelajari sesuatu matapelajaran. Bagi pelajar, penggunaan gambar dan animasi dapat membantu pelajar memahami isi pelajaran dengan lebih baik. Beberapa pelajar mengulas bahawa minat mereka bertambah disebabkan seronok membaca dan melihat visual, grafik serta animasi bahan multiliterasi. Keterangannya adalah seperti berikut:

Pelajar 3: Saya rasa makin minat dengan subjek ni berbanding dulu kerana nota ini berbentuk visual dan animasi. Senang dibaca dan senang difahami kerana menarik dan mudah difahami.

Pelajar 5: Minat saya meningkat kerana visual, grafik dan animasi bahan multiliterasi tersebut terdapat banyak unsur-unsur pengajaran serta menarik. Jadi, senang nak faham. Tak memeningkan kepala.

Pelajar 6: Video dan gambar dari internet (bahan multiliterasi) ni membantu saya memahami konsep-konsep yang tidak pernah saya faham sebelum ini kerana ianya lebih menarik saya untuk boleh lebih fokus kepada subjek yang saya pelajari.

Menimba Ilmu Baru

Penghasilan gambar dan animasi dalam bahan multiliterasi menerusi perisian seperti *Movie Maker* dan *Adobe Photoshop* menunjukkan bahawa pelajar dapat mencuba serta menimba ilmu dan kemahiran baru bagi menggunakan sumber bahan multiliterasi. Rujukan dari internet seperti *Youtube* dapat memudahkan pelajar untuk menghasilkan bahan untuk pembelajaran mereka. Berikut adalah pernyataan yang berkaitan:

Pelajar 1: Memasukkan aspek teknologi seperti flash, video, link kepada internet dalam bahan movie maker senang nak guna dan cepat.

Pelajar 2: Saya boleh masukkan audio, video dan gambar dalam movie bagi tak bosan. Kalau edit gambar, saya senang guna Adobe Photoshop. Cari je gambar kat internet, then, edit sikit, baru masuk dalam bahan.

Pelajar 4: Saya tahu menggunakan sumber multimedia dari internet yang memudahkan penghasilan bahan. Seperti download youtube, sound dan lain-lain. Benda baru jugak la! Sebab kat sekolah dulu tak pernah guna.

Pelajar 7: Saya dapat mengaplikasi bahan yang ringkas dan mudah difahami contohnya dalam bentuk gambar, peta minda dan lain-lain seperti Prezi.com dan PowToon.com. Best! Sebab dapat tambah dan cuba ilmu baru.

Daripada hasil temuramah, didapati empat daripada tujuh pelajar lebih gemar menggunakan perisian *Microsoft Powerpoint* sebagai bahan multiliterasi. Malah, ada juga di kalangan pelajar yang ditemuramah menggunakan *Macromedia Flash*, *Adobe Photoshop* dan *Movie Maker*. Penghasilan medium pengajaran dan pembelajaran berasaskan bahan multiliterasi dilihat mampu menghasilkan pembelajaran yang lebih berkesan.

Kenyataan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Noor Azean Atan dan Siti Khatijah Naraman (2010), di mana penggunaan bahan multiliterasi dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan, dapat mempelbagaikan strategi pengajaran guru, pembelajaran menjadi lebih menarik, dapat menjadikan pembelajaran lebih realistik dan juga penggunaan multimedia dapat merangsang pembelajaran pelajar.

Cabaran Dalam Penggunaan Bahan Multiliterasi Semasa Pembelajaran Yang Berintegrasikan Ilmu Naqli Dan Aqli

Hasil temuramah juga mendapati bahawa wujudnya cabaran dalam menggunakan bahan multiliterasi sebagai medium pembelajaran. Pertamanya, pelajar menyatakan bahawa rujukan daripada bahan multiliterasi adalah sukar untuk difahami kerana penggunaan ayat atau bahasa yang kompleks. Kedua, penggunaan bahasa asing seperti Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab dalam kebanyakan bahan-bahan rujukan membuatkan pelajar sukar untuk memahami atau membaca bahan rujukan tersebut.

Cabaran ketiga pula adalah kesukaran dalam menganalisa bahan rujukan yang dibaca yang mendorong kepada ketidaksahihan maklumat untuk dihubungkan dengan topik yang dipelajari. Berikut adalah transkrip yang berkaitan berkenaan cabaran dalam menggunakan bahan multiliterasi sebagai medium pembelajaran di kalangan pelajar Tamhidi:

Pelajar 2: Kebanyakan laman web berkaitan subjek dalam Bahasa Inggeris. Saya berasa sukar untuk faham. Kalau sumber dalam Bahasa Arab, sukar dan keliru sebab banyak jenis tahap penulisan tu tinggi bahasanya. Keliru pun ada. Sebab lain-lain jenis negara punya cara penulisan kot.

Pelajar 4: OK ja gunakannya tapi tak faham sebab agak tinggi la bahasa atau cara olahan yang digunakan. Lagi senang baca kat buku teks Tamhidi.

Pelajar 6: Bagi saya kita mesti faham dulu, maksudnya faham dulu terpulang pada kepandaian ataupun kecerdikan seseorang pelajar itu. Kalau bahasa yang digunakan tu agak tinggi atau terlalu advance untuk kami yang sangat di peringkat awal universiti ni...agak susah nak faham. Apa tah lagi kalau nak membacanya. Lebih-lebih lagi tulisan dalam Bahasa Arab. Ada macam-macam bentuk tulisan.

Pelajar 7: *Saya enjoy gunakannya tapi bahaya sebab kadang-kadang content maklumat yang kita dapat tu macam mengelirukan dan tak boleh dipercayai. Was-was. Tak baik kalau dapat kemudiannya nak kongsi maklumat tak sah ni. Lebih-lebih lagi kalau untuk buat assignment.*

Penerapan Nilai Ilmu Naqli Dan Aqli Semasa Sesi Pembelajaran Menggunakan Bahan Multiliterasi

Penggunaan bahan multiterasi sebagai medium pembelajaran juga didapati tidak mendorong pelajar untuk mendalami ilmu Naqli. Ini kerana. Hasil analisa temuramah juga mendapati tiada nilai ilmu Naqli di kalangan pelajar berbanding ilmu Aqli. Ini kerana respon pelajar-pelajar ini langsung tidak menjurus kepada jawapan yang mempunyai nilai-nilai islamik. Ini menunjukkan penerapan nilai ilmu Naqli adalah masih kurang berbanding ilmu Aqli di kalangan pelajar Tamhidi.

PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil kajian yang telah dianalisa, kelebihan penggunaan bahan multiliterasi ialah sumber maklumat, pertambahan minat dan menimba ilmu baru. Hasil kajian ini hampir sama dengan kajian yang telah dijalankan oleh Puteh-Behak (2013) yang mendapati bahawa antara kelebihan penggunaan bahan multiliterasi ialah membantu penggunaan bahan multiterasi sebagai medium pembelajaran juga didapati tidak mendorong pelajar untuk mendalami ilmu Naqli.

Pelajar dilihat menggunakan *Macromedia Flash*, *Adobe Photoshop* dan *Movie Maker*. Penghasilan media pengajaran berasaskan bahan multiliterasi dilihat mampu menghasilkan pembelajaran yang lebih berkesan. Kenyataan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Noor Azean Atan dan Siti Khatijah Naraman (2010) di mana penggunaan bahan multiliterasi dalam pengajaran dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan, dapat mempelbagaikan strategi pengajaran guru, pembelajaran menjadi lebih menarik, dapat menjadikan pembelajaran lebih realistik dan juga penggunaan multimedia dapat merangsang pembelajaran pelajar.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan juga, didapati bahawa pelajar memberi maklumbalas yang positif dari aspek pengetahuan tentang penggunaan bahan multiliterasi dalam media sesi pembelajaran mereka. pelajar juga berpendapat bahawa penggunaan penggunaan bahan multiliterasi akan lebih menarik minat pelajar. Menurut Zaleha dan Zamzalina (2000), penggunaan bahan multiliterasi dalam pembelajaran dan pengajaran adalah satu alternatif untuk mengintegrasikan teknologi dalam pendidikan. Aplikasi penggunaan bahan multiliterasi berpotensi untuk mengoptimumkan keberkesanan proses pengajaran. Ini kerana pelajar akan lebih menggemari sesuatu mata pelajaran apabila pensyarah mempelbagaikan strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang memenuhi profil kecerdasan pelabagaan pelajar.

Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar mempunyai kepakaran dalam menggunakan perisian popular seperti *Adobe Photoshop*, *Macromedia Flash* dan *Movie Maker*. Malah, ada di kalangan pelajar yang pandai menggunakan sumber penggunaan bahan multiliterasi dari internet bagi memudahkan penghasilan media pembelajaran mereka. Ia juga dilihat mampu memberikan impak positif dalam menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna dan berkesan. Kesemua pelajar didapati mengambil berat tentang aspek pemahaman mereka terhadap isi kandungan pelajaran dalam bahan yang dihasilkan. Keperluan pelajar sebagaimana yang dinyatakan oleh responden merangkumi kefahaman pelajar, kebolehan dan kemampuan pelajar serta pengetahuan sedia ada pelajar.

Melalui kajian yang telah dilaksanakan ini, pengkaji mendapati bahawa pentingnya panduan dalam membangunkan penggunaan bahan multiliterasi mampu memberikan impak yang maksimum dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai panduan penggunaan bahan multiliterasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada masa akan datang, disarankan agar aspek utama iaitu aspek

aspek pedagogi pengajaran, aspek teknologi, aspek proses reka bentuk perisian dan aspek keperluan pelajar diaplikasikan secara bersama bagi memastikan penggunaan bahan multiliterasi dalam pengajaran dan pembelajaran yang dihasilkan berkualiti lebih-lebih lagi ke arah integrasi ilmu Naqli selain ilmu Aqli semata-mata.

KESIMPULAN

Kesimpulan daripada kajian yang dijalankan, penggunaan bahan multiliterasi sebagai medium pembelajaran mempunyai kelebihan untuk memastikan pelajar memberikan komitmen berterusan dalam pembelajaran. Kelebihan-kelebihan tersebut termasuklah sebagai sumber maklumat dan rujukan berkaitan tugas, pertambahan minat dan menimba ilmu baru yang berkaitan dengan matapelajaran.

Walaubagaimanapun, terdapat tiga cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam menggunakan bahan multiliterasi iaitu:

- i. Pelajar menyatakan bahawa rujukan daripada bahan multiliterasi adalah sukar untuk difahami kerana penggunaan ayat atau bahasa yang kompleks,
- ii. Penggunaan bahasa asing seperti bahasa inggeris dan bahasa arab dalam kebanyakan bahan-bahan rujukan membuatkan pelajar sukar untuk memahami atau membaca bahan rujukan tersebut
- iii. Kesukaran dalam menganalisa bahan rujukan yang dibaca yang mendorong kepada ketidaksahihan maklumat untuk dihubungkan dengan topik yang dipelajari.

Selain itu, penerapan ilmu Naqli berbanding ilmu Aqli adalah masih kurang dalam sesi pembelajaran yang menggunakan bahan multiliterasi. Ini kerana pelajar cenderung ke arah penggunaan teknologi semata-mata untuk ilmu Aqli sahaja berbanding ilmu Naqli. Oleh itu, sesi pembelajaran dan pengajaran perlu menyediakan kemudahan teknologi yang berintegrasikan ilmu Naqli bersesuaian dengan keperluan pelajar serta pedagogi pengajaran yang berkaitan.

RUJUKAN

- Abudin Nata. 2003. *Integrasi Ilmu Agama dan Ilmu Umum*. Ciputat: UIN Jakarta Press.
- Akinwamide, T.K. 2012. *The Influence of Process Approach on English as Second Language Students' Performances in Essay Writing*. English Language Teaching, 5(3), 16-29.
- Amsal Bahtiar. 2010. *Filsafat Ilmu*. Jakarta : Rajawali Press.
- Asmussen, K. J., & Creswell, J. W. 1995. *Campus response to a student gunman*. Journal of Higher Education, 66, 575-591.
- Azumardi Azra. 2006. *Integrasi Keilmuan UIN Syarif Hidayatulla*. Universitas Riset, Jakarta: UIN Jakarta Press.
- Cope, B. & Kalantzis, M. 2009. "Multiliteracies": *New Literacies, New Learning*'. Pedagogies: An International Journal, 4:3, 164 - 195.
- Creswell, J. W. 2005. *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Irwan Santeri. 2014. *Integrasi Naqli dan Aqli: Tinjauan dan Isu Terpilih*. Bengkel Pemugaran Ilmu Naqli dan Aqli 2/2014 Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. 16 Oktober 2014.
- Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir. 2000. *Pengenalan Kepada Multimedia* Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Emami, M. & Nazari, K. 2012. *Entrepreneurship, religion, and business ethics*. Australian Journal of Business and Management Research. Vol. 1. 59-69.
- Mohd Nasrin. 2014. *Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli*. Ibtikar Buletin Penyelidikan dan Inovasi. Universiti Sains Islam Malaysia, Vol. 2.
- Mesbahul Hoque. 2014. *Idha'at wa Isharat Nabawiyah fi 'Ilm al-Falakiyat*. Bengkel Pemugaran Ilmu Naqli dan Aqli 2/2014 Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. 16 Oktober 2014.

- Muhammad Widus. 2014. *Wahdah al-'Ulum al-Ardh al-Mushtarakah bayn al-Ulum al-Naqliyyah wa al-'Ulum al-Kawniyyah al-Hadithah*. Bengkel Pemugaran Ilmu Naqli dan Aqli 2/2014 Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. 16 Oktober 2014.
- Mulyadi Kartanegara. 2005. *Integrasi Ilmu Sebuah Rekonstruksi Holistik*. Bandung: Mizan.
- Oluikpe, B. O. A. 1979. *Teaching the Art of Writing: The Teaching of English Studies*. Ibadan: University Press.
- Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti USIM. 2014. Bengkel Pelan Strategik dan Integrasi Naqli-Aqli Bil 1/2014. 1 Disember 2014.
- Puteh-Behak, F. 2011. Using a multiliteracies approach in an ESL classroom: a participatory action research. Poster presented at University of Southern Queensland. Toowoomba, Australia
- Shalash, Adnan. 2014. *Fadh al-Ishtibak fi al-Khilaf al-Mawhum bayn al-Aql wa al-Naql*. Bengkel Pemugaran Ilmu Naqli dan Aqli 2/2014 Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. 16 Oktober 2014.
- Sidek Baba. 2013. <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/cikgu-sidek-baba/integrasiilmu-urus-diri-dan-sistem-1.178724>. 4 Julai 2013.
- Syed Muhammad Chaedar. 2014. *Integrasi Naqli dan Aqli Ulum Syar'iyah Antara Harapan dan Realiti*. Bengkel Pemugaran Ilmu Naqli dan Aqli 2/2014 Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. 16 Oktober 2014.
- Zaleha & Zamzalina. 2000. "Rekabentuk perisian multimedia untuk pembelajaran matapelajaran kejuruteraan peringkat sekolah menengah". International Conference Education & ICT in the New Millennium' at Park Royal Kuala Lumpur, 27-28 October 2000.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.